



## SIARAN MEDIA

### BELANJAWAN 2024 : KPKT TEKAD JAYAKAN AGENDA DAYA HUNI RAKYAT KE ARAH MENCAPAI EKONOMI MADANI

**PUTRAJAYA, 13 Oktober 2023** - Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyambut baik pembentangan Belanjawan 2024 oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada petang ini. Belanjawan 2024 ini mendukung wawasan Ekonomi MADANI untuk mengangkat semula darjat dan martabat negara dengan menstruktur semula ekonomi dan meningkat kualiti hidup seluruh rakyat Malaysia.

KPKT telah menerima peruntukan keseluruhan sebanyak **RM5.647 bilion pada tahun 2024** berbanding **RM5.409 bilion (2023)** iaitu **peningkatan sebanyak 4.40 peratus bersamaan RM238 juta**.

YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan berkata, "Belanjawan 2024 bukan pendekatan biasa dengan hanya menyediakan peruntukan untuk Kementerian tetapi merangkumi Reformasi Dasar yang amat diperlukan oleh rakyat Malaysia pada saat ini. Saya yakin **pendekatan reformis ini akan memberi manfaat kepada semua.**"

Tambah beliau, "Belanjawan 2024 yang reformis, progresif dan mesra rakyat ini memberikan mandat kepada KPKT untuk terus mengukuhkan agenda kesejahteraan rakyat dalam sektor perumahan, perkhidmatan kebombaan, komuniti dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)."

Belanjawan 2024 dilihat terus memberi tumpuan kepada agenda daya huni di negara ini. Sebanyak 15 inisiatif melibatkan KPKT telah diumumkan seperti berikut :

1. RM150 juta disediakan bagi menyelenggara dan membaiki tandas awam di 150 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara;
2. RM50 juta disediakan bagi menyelenggara lampu jalan termasuk menggantikan kepada jenis LED yang dapat menjimatkan elektrik sehingga 60 peratus di kawasan PBT seluruh negara;
3. RM110 juta bagi membaik pulih dan menaik taraf pusat penjaja dan prasarana pasar awam yang uzur di 150 kawasan PBT;
4. RM10 juta untuk memperindah dan meningkatkan tahap kebersihan 10,000 gerai-gerai dan warung-warung kecil;
5. RM50 juta bagi pembinaan sebanyak 4,000 unit ruang niaga baharu yang seragam, selesa dan selamat di seluruh kawasan PBT serta pengecualian bayaran sewa kiosk bagi 6 bulan pertama untuk rakyat bermiaga;
6. RM20 juta disediakan kepada 150 PBT untuk melaksanakan kerja-kerja pemberian parit dan longkang yang rosak bagi mengurangkan risiko air bertakung dan banjir kilat;
7. RM5 juta bagi menambah baik kemudahan dan rawatan perubatan bagi anjing K9 Jabatan Bomba dan Penyelamat serta menambah bilangan anjing pengesan K9 untuk bomba, polis dan kastam;
8. RM 2.4 bilion diperuntukkan untuk membina, menyelenggara dan membaik pulih kuarters penjawat awam, guru, hospital, anggota polis, tentera dan bomba;
9. RM1 bilion dana jaminan khas bagi menggalakkan pemaju yang berwibawa memulihkan projek terbengkalai yang telah dikenal pasti;
10. RM546 juta disediakan bagi meneruskan 36 Program Perumahan Rakyat (PPR) termasuk satu projek baharu di Kluang, Johor. Sebanyak 15 buah PPR dijangka siap tahun hadapan yang bakal memanfaatkan 5,100 penghuni baharu;
11. Sebanyak 14 Program Rumah Mesra Rakyat diteruskan bagi membina 3,500 unit rumah dengan peruntukan RM358 juta.

12. RM100 juta untuk menyelenggara perumahan berstrata kos rendah dan sederhana awam dan swasta seluruh negara. Ini termasuklah kerja-kerja membaiki tangki air, bumbung dan sistem pendawaian serta memasang kamera litar tertutup;
13. Kerajaan akan menambah Skim Jaminan Kredit Perumahan sehingga RM10 bilion untuk SJKP bagi memanfaatkan 40,000 peminjam;
14. RM100 juta kepada Kampung Baru Cina bagi menyediakan kemudahan infrastruktur asas dan kemudahan sosial bagi memastikan kesejahteraan penduduk kampung; dan
15. RM50 juta disediakan sebagai bantuan kewangan kepada pengurusan rumah-rumah ibadat bukan Islam yang berdaftar bagi kerja-kerja membaik pulih dan menyelenggara rumah ibadat.

Pengumuman Kerajaan dalam Belanjawan 2024 ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan serius untuk meletakkan semula Malaysia di landasan yang betul supaya negara boleh bergerak maju ke hadapan. Pembaharuan dalam Belanjawan 2024 ini juga adalah bukti keprihatinan Kerajaan terhadap cabaran yang dihadapi rakyat dalam membina masa depan yang lebih baik untuk Malaysia.

Belanjawan 2024 dilihat akan dapat menyokong Pasukan KPKT untuk terus melaksanakan tujuh (7) bidang fokus utama KPKT merangkumi aspek perancangan perumahan, peranan Kerajaan Tempatan, pemerkasaan komuniti, kemampanan bandar, pengurusan sisa pepejal serta perkhidmatan kebombaan dengan lebih cemerlang demi kesejahteraan rakyat.

#Belanjawan2024  
#EkonomiMADANI

---

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

